

	<p>SIARAN MEDIA Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013</p>
---	---

5,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN KENDURI RAKYAT & KARNIVAL SUKAN WP PUTRAJAYA

Putrajaya, 17 Februari 2019 – Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menganjurkan Kenduri Rakyat dan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18 yang dihadiri oleh 5,000 pengunjung.

Majlis Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Hj Khalid bin Abdul Samad. Turut hadir, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim dan Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim.

Bertujuan untuk menanam semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warga Putrajaya, program ini merupakan acara kemuncak bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2019 peringkat Putrajaya yang mendapat kerjasama dan penglibatan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Pelbagai program dan aktiviti dianjurkan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pameran produk dan perkhidmatan PPj, pemeriksaan kesihatan dan pergigian, kempen Jom Bayar Saman, urutan refleksologi, pertandingan mewarna kanak-kanak dan karnival sukan. Antara acara sukan yang dipertandingkan seperti *fun walk*, futsal, bola jaring, bola keranjang, *muay thai*, tarik tali dan *e-games* yang melibatkan penyertaan dari komuniti Wilayah Persekutuan dan agensi-agensinya di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Dalam majlis yang sama, PPj turut menyerahkan 4 unit kerusi roda kepada 4 sub-zon di Putrajaya di bawah Program Bantuan Peralatan Kesihatan bagi kegunaan ahli komuniti yang memerlukan.

Program ini turut menyaksikan penampilan sulung Kumpulan Kompang Putrajaya yang ditubuhkan dan pada tahun 2018. Kumpulan kompang ini melibatkan penyertaan dari kalangan warga Putrajaya sendiri.

SHWP 2019 memperkenalkan tema baharu iaitu "Sayangi Wilayahku" yang berasaskan semangat integrasi nasional dan kesejahteraan bagi memperkasakan perpaduan masyarakat. Pelancaran dasar dan hala tuju yang baharu melalui slogan "Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi" menggambarkan usaha KWP dan agensi dalam membentuk suasana peduli, sihat dan selamat.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347, 019-335 4346 atau e-mel ke alamat m.fairus@ppj.gov.my



(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 5 Februari 2019